

# Literasi Digital jadi subjek baharu

## di Pasti dan Tabika Kemas

*Sinar Harian (Negeri) 19/9/2020 (Sabtu) m/s : 24*

KUANTAN - Silibus Literasi Digital akan dimasukkan dalam sukatan kurikulum prasekolah di peringkat Parlimen Indera Mahkota bermula pada tahun hadapan.

Yang Dipertua Pas Kawasan Indera Mahkota, Andansura Rabu berkata, projek perintis itu dapat memberi pendedahan awal mengenai peralatan digital seperti komputer, telefon pintar dan televisyen kepada golongan kanak-kanak

Bagi tujuan itu, beliau berkata, seramai 135 tenaga pengajar terlibat dalam Bengkel Program Literasi Digital yang menetengahkan subjek berkaitan teknologi maklumat di peringkat tersebut.

“Bengkel peringkat Parlimen Indera Mahkota tersebut membabitkan guru-guru di Pusat Asuhan Tunas Islam (Pas-

ti) dan taman bimbingan kanak-kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

“Kita perlu ada silibus dalam pendidikan prapersekolahan iaitu bagaimana digital boleh membantu anak-anak di peringkat awal persekolahan di samping mendedahkan mereka kaedah mengawal penggunaannya,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Andansura yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beserah berkata, kajian silibus prapersekolahan itu dibentang oleh satu badan daripada Unit Kajian **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dan setakat ini membabitkan Pasti dan Kemas sahaja.

“Kesemua peserta diberikan pendedahan mengenai hasil kajian yang dibuat dan akan dipanjangkan ke peringkat swasta,” katanya.